

# JAWAPAN

## BAB 1

### Jadual dan Graf

#### P3D 1.1 Ciri-ciri dan Kegunaan Jadual

- jadual
- (a) ✓ (c) ✓ (d) ✓ (f) ✓
- (a) Menunjukkan perubahan dan pertalian antara dua set maklumat  
(b) Merumuskan maklumat dan data yang dikumpul di lapangan dengan lebih tersusun supaya menarik perhatian orang
- (a) Pemerhatian (b) Temu bual (c) Rujukan kepustakaan (d) Banci  
(e) Soal selidik

#### P3D 1.2 Ciri-ciri dan Kegunaan Graf

- (a) Graf garisan mudah  
(b) Graf bar mudah  
(c) Graf gabungan
- (a) Tajuk  
(b) Paksi menegak  
(c) Petunjuk  
(d) Bar  
(e) Paksi mendatar
- (a) Graf garisan mudah  
(b) Graf bar mudah  
(c) Graf bar mudah  
(d) Graf gabungan  
(e) Graf garisan mudah

#### P3D 1.3 Langkah-langkah Membina Jadual

8. (a) Hobi murid Tingkatan 3 Angsana pada tahun 2020


Jenis hobi	Kekerapan	Bilangan murid (orang)
Bermain komputer	### IIII	9
Memasak	## I	6
Bermain bola	###	5
Membaca	IIII	4
Berbasikal	III	3
Berkebun	III	3

- (b) Hobi murid Tingkatan 3 Angsana pada tahun 2020


Jenis hobi	Bilangan murid (orang)
Bermain komputer	9
Memasak	6
Bermain bola	5
Membaca	4
Berbasikal	3
Berkebun	3
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>

**PBD** 1.4 Langkah-langkah Membina Graf Bar Mudah, Graf Garisan Mudah dan Graf Gabungan


9.



10.



11.



**1.5 Mentafsir Jadual, Graf Bar Mudah, Graf Garisan Mudah dan Graf Gabungan**

12. (a) Jadual menunjukkan jenis tanaman utama di Daerah Selama pada tahun 2018, iaitu getah, kelapa sawit, padi dan tanaman lain seperti kelapa, nanas dan koko.
- (b) Jenis tanaman utama ialah getah yang melibatkan 60 peratus diikuti oleh kelapa sawit, iaitu 25 peratus, padi seluas 12 peratus dan tanaman lain seperti kelapa, nanas dan koko seluas 3 peratus daripada jumlah keluasan kawasan tanaman.
- (c) Tanah pamah yang rendah dan rata memudahkan aktiviti penanaman tanaman; melibatkan kos aktiviti penanaman yang rendah.  
 Tanah beralun di lereng dan kaki bukit sesuai untuk penanaman getah dan kelapa sawit.  
 Tanah aluvium di lembah sungai sesuai untuk pertumbuhan padi sawah.  
 Tanah laterit sesuai untuk tanaman getah dan kelapa sawit.  
 Sistem saliran yang baik menggalakkan penanaman getah dan kelapa sawit.  
 Bekalan tenaga buruh / tenaga kerja yang banyak.

- (d) Getah merupakan tanaman utama di Daerah Selama dengan 60 peratus daripada keluasan kawasan pertanian digunakan untuk penanaman getah. Tanaman lain yang diusahakan di Daerah Selama termasuklah kelapa sawit, padi sawah, kelapa, nanas dan koko.
13. (a) Graf garisan mudah menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk Malaysia dari tahun 1970 hingga tahun 2019. Kadar pertumbuhan penduduk Malaysia menunjukkan trend menurun sejak tahun 1970.
- (b) Pada tahun 1970, kadar pertumbuhan penduduk ialah 3.9 peratus setahun, namun kadar pertumbuhan penduduk pada tahun 2019 hanya 0.6 peratus.
- (c) Kadar pertumbuhan penduduk menurun kepada 2.3 peratus pada tahun 1980, tetapi meningkat sebanyak 0.3 peratus pada tahun 1991 dan 2000. Namun, kadar itu terus menurun kepada 2.1 peratus pada tahun 2010. Kadar pertumbuhan penduduk menurun kepada 0.6 peratus pada tahun 2019 mungkin kerana penurunan kadar kesuburan dan migrasi antarabangsa bersih. Faktor lain yang mungkin menyebabkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun ialah penduduk umur tua meningkat, penduduk bukan warganegara menurun dan ramai penduduk umur muda dan umur bekerja.


- (d) Kesimpulannya, kadar pertumbuhan penduduk Malaysia semakin menurun disebabkan oleh faktor kadar kesuburan dan migrasi penduduk.
14. (a) Graf menunjukkan pengeluaran dan harga petroleum mentah di Negara X dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Pengeluaran petroleum mentah menunjukkan peningkatan yang berterusan dari tahun 2013 hingga tahun 2017.
- (b) Pengeluaran petroleum mentah yang tertinggi ialah pada tahun 2017, iaitu sebanyak 1 150 ribu tong manakala jumlah pengeluaran yang paling sedikit adalah pada tahun 2013, iaitu 800 ribu tong.
- Peningkatan pengeluaran petroleum mentah dari tahun 2013 hingga tahun 2017 ialah 350 ribu tong.

- (c) Harga petroleum mentah pula tidak tetap, iaitu berubah-ubah dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Harga petroleum mentah yang paling tinggi adalah pada tahun 2017, iaitu RM340 setong manakala harga yang paling rendah dialami pada tahun 2015, iaitu RM180 setong. Perbezaan antara harga yang paling tinggi dengan harga paling rendah ialah RM160 setong.
- (d) Pengeluaran petroleum mentah meningkat berterusan dari tahun 2013 hingga tahun 2017. Manakala harga petroleum dari tahun 2013 hingga tahun 2017 adalah tidak tetap.

15. Aktiviti PAK-21

**Power PT3**  
**Bahagian B**

1. (a)



(7m)


Tajuk (1m)  
Skala (1m)  
Paksi x (1m)  
Paksi y (1m)  
Bar (5m)  
[Mak. 7 markah]

- (b) Malaysia menerima bilangan pelancong asing yang terbanyak pada tahun 2014, iaitu seramai 27.4 juta orang. Manakala bilangan pelancong asing yang paling sedikit adalah pada tahun 2013 dan 2015, iaitu seramai 25.7 juta orang. Bilangan pelancong asing yang datang ke Malaysia adalah tidak seragam.

Terdapat peningkatan dan penurunan dalam bilangan pelancong asing yang datang ke Malaysia. (4m)  
Terima jawapan murid yang sesuai

- (c) Mempromosikan negara kita ke luar negara dengan menyediakan maklumat lengkap tentang sesuatu destinasi menarik yang terdapat di negara ini. Contohnya, terdapat iklan Tahun Melawat Malaysia yang disebarikan secara meluas pada kapal terbang yang berulang alik ke luar negara. Mewujudkan kawasan pelancongan yang bersumberkan keindahan alam sekitar. Contohnya, memelihara dan memulihara kawasan-kawasan semula jadi seperti Hutan Lipur Belum dan Tasik Kenyir. (4m)  
Terima jawapan murid yang sesuai

2. (a)



(7m)

- Tajuk (1m)
- Skala (1m)
- Paksi x (1m)
- Paksi y (1m)
- Plotan (4m)
- [Mak. 7 markah]

(b) Terima mana-mana tafsiran berkenaan dengan graf (nilai maksimum, nilai minimum, tafsiran yang jelas dan tepat).

(4m)

(c) Membuka peluang pekerjaan yang dapat mengurangkan kadar pengangguran negara. Peluang pekerjaan dalam sektor perlombongan seperti jurutera di pelantar memberikan pendapatan yang lumayan yang mampu meningkatkan taraf hidup penduduk. Menggalakkan pembukaan bandar baharu seperti Bintulu di Sarawak.

(4m)

**Power KBAT**

1. Graf yang sesuai untuk menunjukkan data di atas ialah graf bar mudah. Data dalam jadual tersebut lebih senang digambarkan melalui graf bar ini kerana setiap satu bar akan mewakili bilangan murid yang menggunakan laman media sosial dengan terperinci dan teliti serta mudah untuk melihat perbezaan.
2. Data yang dipersembahkan dalam jadual sukar untuk dibuat perbandingan berbanding dengan graf. Jika data dipindahkan ke graf, maka maklumat yang ada mudah dibaca, senang untuk difahami dan ditafsir kerana nilai-nilai pada setiap paksi menunjukkan perbandingan yang jelas dan nyata.
3. • Menunjukkan perbandingan antara dua perkara
  - Senang untuk menilai sesuatu perkara dengan tepat
  - Mudah untuk mengira dan menganalisis sesuatu data
 Terima jawapan murid yang sesuai